



SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

e-Buletin KOPERASI

SINOPSIS

BIL11/2025

Konvensyen

**KOPERASI KARIAH MASJID
PERINGKAT KEBANGSAAN
2025**



Anugerah

Koperasi Kariah Masjid Terbaik 2025
**KOPERASI MASJID NURUL YAQIN
KELANA JAYA BERHAD**

RM5,000.00

REGGIT MALAYSIA: KUALA BUKUJA



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/@SuruhanjayaKoperasi)

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama-sama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan Konvensyen Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2025 dengan matlamat memperkuat peranan Koperasi Kariah Masjid sebagai ejen penggerak pembangunan ekonomi komuniti Islam setempat dan sebagai platform penyatuan ummah melalui aktiviti ekonomi yang berlandaskan prinsip syariah.



Konvensyen ini memberi ruang kepada perkongsian amalan terbaik, sesi dialog serta perbincangan strategik bagi merangka pelan tindakan yang lebih mampan dan berimpak tinggi kepada Koperasi Kariah Masjid di seluruh negara. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk menaikkan lantai pendapatan rakyat dan membina masyarakat progresif berteraskan nilai murni.



Konvensyen

KOPERASI
KARIAH MASJID
PERINGKAT KEBANGSAAN
2025

PERKEMBANGAN GERAKAN KOPERASI

Sehingga 31 Disember 2024, terdapat 578 Koperasi Kariah Masjid dengan keanggotaan seramai 47,830 orang, jumlah syer dan yuran terkumpul sebanyak RM16.56 juta, manakala jumlah aset koperasi berjumlah RM41.11 juta dengan perolehan sebanyak RM30.6 juta.

Manakala data perangkaan koperasi peringkat nasional menunjukkan terdapat 16,284 koperasi berdaftar di Malaysia dengan keanggotaan seramai 7.2 juta orang, jumlah modal syer koperasi mencecah RM18.3 bilion, aset koperasi berjumlah RM173.3 bilion, manakala sumbangan perolehan adalah sebanyak RM68.1 bilion.



KUSKOP dan SKM komited untuk terus menyokong inisiatif koperasi kariah masjid dalam memperkasa aktiviti perniagaan termasuk peruncitan, hartanah, pertanian dan perkhidmatan sosial, seterusnya meningkatkan sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat setempat dan pendapatan negara.

Konvensyen

**KOPERASI
KARIAH MASJID
PERINGKAT KEBANGSAAN
2025**

PENGISIAN KONVENSYEN

Ucuptama Plenary Session:

**"Koperasi Memperkasa
Ekonomi Ummah, Membina
Ekonomi MADANI"**

Oleh:

YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul
Razak, Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pembentangan Kertas Kerja 1

**"Dasar dan Halatuju
Pembangunan Koperasi
Kariah Masjid di Malaysia"**

Oleh:

Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauta, Naib
Ketua Pegawai Eksekutif
(Dasar & Pembangunan), SKM.

Pembentangan Kertas Kerja 2

**"Membangun Kepimpinan
Koperasi Kariah Masjid
Berasaskan Nilai dan Prinsip
Koperasi"**

Oleh:

En. Shamsul Khairi bin Abu Hassan,
Pegawai Latihan Kanan,
IKMa

Pembentangan Kertas Kerja 4

**"Perkongsian Aktiviti
Koperasi"**

Oleh:

Tuan Haji Che Had bin Jasim,
Lembaga Koperasi Konsortium
Koperasi Kariah Masjid Malaysia
Berhad.

Pembentangan Kertas Kerja 3

**"Platform Digital dan
Sokongan ANGKASA Untuk
Pembangunan Koperasi
Kariah Masjid"**

Oleh:

Ustaz Mohd Safian bin Abdul Rahman,
Pengurus Kanan Bahagian
Pembangunan dan Perniagaan
Koperasi Kariah Masjid, ANGKASA.

Pembentangan Kertas Kerja 5

**"Perkongsian Aktiviti
Koperasi"**

Oleh:

Tuan Haji Zaidan bin Haji Abd. Hadi,
Pengerusi Koperasi Gabungan
Masjid-Masjid Negeri Melaka Berhad.

Pembentangan Kertas Kerja 6

**(Sesi Perkongsian Pengalaman)
Aktiviti Perkhidmatan dan
Kepenggunaan**

Oleh:

YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo,
Pengerusi Koperasi Masjid Nurul Yaqin
Kelana Jaya Berhad.

Pembentangan Kertas Kerja 8

**(Sesi Perkongsian Pengalaman)
Program Ibadah Qurban**

Oleh:

Ustaz Md. Khairulzaki bin Misbah,
Pengerusi Koperasi Surau Al Hikmah
Melaka Berhad.

Pembentangan Kertas Kerja 7

**(Sesi Perkongsian Pengalaman)
Sinergi Pengurusan Masjid dan
Koperasi Ke Arah
Pembangunan Komuniti Islam**

Oleh:

Tuan Haji Kamaruddin bin Idris,
Pengerusi Koperasi Masjid Al Hasanah
Bangi Berhad.

Pembentangan Kertas Kerja 9

**Memperkasa Ekonomi Ummah
Melalui Keusahawanan Sosial
dan Koperasi Kariah Masjid**

Oleh:

YBhg. Tuan Haji Zabidi Bin Nasan,
Ketua Pengarah YAPEIM.

Sesi Forum

**Mengimarahkan Masjid Melalui
Gerakan Koperasi: Ke Arah
Komuniti Sejahtera**

Moderator:

En. Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan
Ketua Pengarah Pembangunan Modal
Insan, IKMa

Ahli Panel:

En. Azizul Bin Alias, Bahagian
Pembangunan Koperasi, Penaja dan
Periagaan Kecil, KUSKOP

YBhg. Brigedier Jeneral Datuk Haji
Mohd Ajib Bin Ismail, Timbalan Ketua
Pengarah, JAKIM

YBhg. Dato' Haji Ahmad Hairi Bin Haji
Hussain, CEO MAIPs Pahang



MAJLIS PERASMIAN

Konvensyen

KOPERASI KARIAH MASJID PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah telah berkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan majlis perasmian Konvensyen Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2025 di Grand DarulMakmur Hotel pada 13 November 2025.

Majlis turut dihadiri oleh:

- YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang
- YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP
- YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif SKM
- YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa
- YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden ANGKASA

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang telah berkenan menyempurnakan Pengurniaan Anugerah dalam majlis perasmian seperti berikut:

Anugerah Koperasi Kariah Masjid Terbaik 2025

Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad (RM5,000.00)

Anugerah Koperasi Kariah Masjid Harapan 2025

Koperasi Kariah Masjid Nurussalam Gerik Berhad (RM5,000.00)

Sumbangan Dana Wakaf Projek Kontena Wakaf Yayasan Infak ANGKASA

Koperasi Kariah Masjid Tunku Abdullah Rompin Berhad (RM63,000)

Keberangkatan dan perkenan Baginda menaikkan martabat dan semangat program, seterusnya memberi dorongan kepada semua koperasi kariah masjid untuk terus memperkasakan peranan ekonomi dan sosial mereka di peringkat kebangsaan.



Konvensyen ini memberi motivasi dan panduan strategik untuk memperluas dan memperkukuh koperasi kariah masjid di seluruh negara, selaras dengan aspirasi ekonomi MADANI.



01

Koperasi kariah masjid berperanan penting sebagai pemangkin ekonomi ummah dan penyatuan komuniti.



02

Pemimpin koperasi digalakkan berpegang pada nilai dan prinsip koperasi untuk tadbir urus yang berkesan.



03

Penyelarasan antara masjid, koperasi, dan agensi berkaitan adalah kunci kejayaan.



04

Kejayaan model koperasi masjid seperti KOYAQIN, KOGMAS, dan KOPSAH menunjukkan bahawa masjid boleh menjadi pusat ekonomi, sosial, dan dakwah yang berimpak tinggi.



Konvensyen
**KOPERASI
KARIAH MASJID
PERINGKAT KEBANGSAAN
2025**





Konvensyen
**KOPERASI KARIAH MASJID
 PERINGKAT KEBANGSAAN
 2025**



Konvensyen
KOPERASI
KARIAH MASJID
PERINGKAT KEBANGSAAN
2025





Konvensyen
KOPERASI
KARIAH MASJID
PERINGKAT KEBANGSAAN
2025

KESULTANAN PAHANG

f@e@e@